


MEMFOKUSKAN PRODUKTIVITI DALAM PEMBINAAN

MENARIK DI DALAM

ICW 2016 MEMFOKUSKAN
PRODUKTIVITI DALAM
PEMBINAAN
(m/s 3)

PROGRAM TRANSFORMASI
INDUSTRI BINAAN (CITP)
(m/s 6)

www.kkr.gov.my



9 781565 924796

KANDUNGAN



M/s 5



M/s 3



M/s 4



M/s 16



M/s 9

BERITA

- 3** • ICW 2016 Memfokuskan Produktiviti dalam Pembinaan
- 4** • Pertandingan Arena of Youth: My City 2050 sempena ICW 2016
• 600 Usahanita Berhimpun Berkongsi Ilmu di KUBINA 2016
- 5** • Perdana Menteri meninjau pembinaan Hospital Baharu Kuala Krai
• Majlis Penyerahan Rumah Kekal Baharu Mangsa Banjir oleh YAB PM
- 7** • Grader Juara Sukan Antara Bahagian KKR 2016
- 9** • Lebuhraya Bertingkat Bayan Lepas dibuka kepada umum
• Pembukaan Persimpangan Alor Pongsu Lebuhraya PLUS

PERSATUAN & KELAB

- 6** • Pengenalan AKRAB

ARTIKEL

- 8** Program Transformasi Industri Binaan (CITP)

RENCANA KHAS

- 10** • Lebuhraya Pan Borneo Sabah menjadi realiti

PENGUMUMAN

- 12** • Persaraan KPKR
• Malaysia Tuan Rumah Asean Skills Competition (ASC) ke-11

PENGIKTIRAFAN

- 13** • Kkr Diiktiraf 5 Bintang Penilaian Ssr Mampu Tahun 2015
• KKR Memperolehi Persijilan 5S 2016
• Anugerah Kecemerlangan Pusanita Kebangsaan 2016

LENSA

- 14** Program, Majlis KKR

MEDIA SOSIAL KKR

- 18** Laporan

KKR @ MEDIA

- 19** • Keratan Akhbar
• Twitter

ICW 2016 MEMFOKUSKAN PRODUKTIVITI DALAM PEMBINAAN

KUALALUMPUR, 12 April 2016—Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2016 menjadi tahun ke 16 yang menghimpunkan pameran, sesi perkongsian ilmu dan idea inovasi para penggiat industri binaan telah dirasmikan oleh Dato' Sri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya bagi pihak YAB Perdana Menteri Malaysia.

Program yang berlangsung selama lima hari bermula 11 hingga 15 April 2016 ini memfokuskan Produktiviti dalam Pembinaan, selaras dengan temanya 'Driving Productivity in Construction'. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) sebagai penganjur acara ini jelas memilih untuk menonjolkan teknologi terkini dan metodologi terbaik pembinaan dalam meningkatkan produktiviti.

Antara yang menjadi bahan utama pameran ICW2016 ini adalah Sistem Binaan Berindustri (IBS) melalui pameran Industrialised Building Systems Housing Expo di mana ia adalah teknologi yang berkait rapat dengan produktiviti. CIDB telah dan terus mempromosikan IBS sebagai teknologi yang berkualiti, selamat serta menjimatkan tenaga dalam pembinaan.

ICW2016 menghimpunkan 100 ruang pameran dan menjangkakan kehadiran 10,000 pengunjung dengan 10% daripadanya pengunjung luar negara. Antara program utama termasuklah Ecobuild Southeast Asia 2016 dan Construction Career Fair 2016. Beberapa pertandingan turut dirangka antaranya, My City 2050, Rebuild It Green, IEM Mechanical Design Competition dan lain-lain lagi.



YB Menteri Kerja Raya meluangkan masa melawat booth pameran



Upacara memotong riben sempena pembukaan ICW di hadapan pintu utama ruang pameran



YB Menteri Kerja Raya bersama para tetamu VIP menyempurnakan simbolik perasmian majlis



Dato' Sri KSU mengambil peluang ber'selfie' bersama para peserta pertandingan

PERTANDINGAN ARENA OF YOUTH: MY CITY 2050 SEMPENA ICW 2016

KUALA LUMPUR, 12 April 2016 – Turut diadakan bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2016 adalah The Arena of Youth: My City 2050 (MC2050), iaitu merupakan pertandingan perancangan bandar yang diadakan bertujuan untuk melahirkan generasi industri pembinaan anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)

Pertandingan ini dirangka khusus untuk para pelajar Malaysia berumur 15 hingga 17 tahun dan melibatkan 8 sekolah dibawah Yayasan PINTAR dan juga 2 sekolah antarabangsa.

Semua pasukan ditugaskan untuk membentangkan rekabina model Bandar lestari tahun 2050 berdasarkan kawasan dalam Malaysia yang telah ditetapkan untuk setiap pasukan. Dana sejumlah RM1000 diberikan dalam persiapan binaan model dengan sebarang kos tambahan ditanggung oleh pihak sekolah.

600 USAHANITA BERHIMPUN BERKONGSI ILMU DI KUBINA 2016



KUALA LUMPUR, 14 April 2016 – Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2016 kali Ke-3 telah dianjurkan bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2016 bertempat di MATRADE Kuala Lumpur bertemakan "Wanita Pemacu Kelestarian Negara".

Konvensyen telah berjaya menarik minat 600 penyertaan terdiri daripada usahanita dan wanita profesional membuka peluang dan potensi perniagaan, mengembangkan budaya penerokaan ilmu serta menjadi tapak peserta bertukar idea dan rangkaian hubungan.

Konvensyen ini adalah anjuran bersama Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan usahasama rakan-rakan strategik iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Persatuan Syarikat- syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM).

PENYERAHAN 31 DARIPADA 844 RUMAH KEKAL BAHARU

MANGSA BANJIR OLEH YAB PM

KUALA KRAI 19 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meninjau kerja-kerja pembinaan projek Hospital Kuala Krai yang baharu di Pahi di sini. Hospital yang bernilai RM304 juta ini tersenarai di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 ini dan telah diumumkan Perdana Menteri sewaktu pembentangan Belanjawan 2012 pada Oktober 2011.

Hospital di atas tapak seluas 100 hektar itu mula dibina pada Mei 2014 dan kini sedang berada di fasa kedua yang telah 55 peratus telah siap dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei tahun depan.

Projek itu melibatkan pembinaan 11 buah wad dengan 268 katil, lapan buah dewan bedah, lapan bilik bersalin serta pusat rawatan harian. Dibina berkonsepkan hospital dalam taman dan ia bakal dilengkapi dengan peralatan perubatan, perkhidmatan sokongan klinikal yang terkini, selain bangunan pentadbiran, tempat letak kereta dan kemudahan untuk kakitangan, orang kelainan upaya serta pelawat.



YAB Perdana Menteri menyerahkan kunci rumah kekal banjir kepada 31 orang penerima



Sambutan kehadiran YAB Perdana Menteri yang begitu meriah diberikan oleh rakyat Kelantan



Kakitangan Hospital bergambar kenangan bersama tetamu VVIP



YAB PM serta ADUN Dabong & Menteri Kerja Raya melihat replika hospital

PERDANA MENTERI MENINJAU PEMBINAAN HOSPITAL BAHARU KUALA KRAI

KUALA KRAI 19 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meninjau kerja-kerja pembinaan projek Hospital Kuala Krai yang baharu di Pahi di sini. Hospital yang bernilai RM304 juta ini tersenarai di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 ini dan telah diumumkan Perdana Menteri sewaktu pembentangan Belanjawan 2012 pada Oktober 2011.

Hospital di atas tapak seluas 100 hektar itu mula dibina pada Mei 2014 dan kini sedang berada di fasa kedua yang telah 55 peratus telah siap dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei tahun depan.

Projek itu melibatkan pembinaan 11 buah wad dengan 268 katil, lapan buah dewan bedah, lapan bilik bersalin serta pusat rawatan harian. Dibina berkonsepkan hospital dalam taman dan ia bakal dilengkapi dengan peralatan perubatan, perkhidmatan sokongan klinikal yang terkini, selain bangunan pentadbiran, tempat letak kereta dan kemudahan untuk kakitangan, orang kelainan upaya serta pelawat.

APA ITU AKRAB?

AKRAB merupakan penjenamaan semula versi rakan pembimbing, pembimbing rakan sekerja, pegawai khidmat nasihat, pegawai khidmat kaunseling yang merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sekerja sepertimana dikehendaki dalam PP 18/2005.

AKRAB membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari yang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang rakan pembimbing yang berkesan.

APA PERANAN AKRAB?

- Menjadi rakan yang peka kepada perasaan orang lain dan keadaan sekeliling;
- Memberi sokongan kepada perubahan yang lebih baik;
- Sumber kepada rakan untuk berkongsi permasalahan; dan
- Memperkuatkan semangat rakan yang ingin berubah.

SIAPA YANG LAYAK MENYERTAI AKRAB?

Semua penjawat awam adalah layak dengan keutamaan diberikan kepada :

- Pegawai Sumber Manusia dan Pegawai Pengurusan Personel yang berminat dengan ilmu kaunseling dan;
- Pegawai yang mempunyai kelulusan sama ada di peringkat diploma, ijazah dan sarjana dalam bidang kaunseling tetapi tidak dilantik sebagai kaunselor
- Penjawat awam yang menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakan sekerja yang lain;
- Penjawat awam yang menunjukkan personaliti menarik iaitu senang dan selesa didampingi;
- Penjawat awam yang mempunyai Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik;
- Penjawat awam yang berkebolehan menjadi pendengar yang baik dan mempunyai sifat empati;
- Penjawat awam yang mempunyai kualiti keperibadian yang baik seperti berdisiplin, berintegriti, keupayaan memimpin, memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal serta bersedia melakukan kerja-kerja sukarela.

VISI:
Menjadikan AKRAB
Pengerak
Pembangunan
Modal Insan Dalam
Pengurusan
Sumber Manusia

02

MOTO:
"Berkhidmat
Membimbing"

04

AHLI :
42 orang

06

AKRAB KKR
mendekati warga
Kerja Raya melalui
booth pameran
sewaktu program
Kementerian
diadakan.

OBJEKTIF:
Menyediakan
perkhidmatan
membimbing bagi
membantu rakan
sekerja
meningkatkan
potensi dan
kecemerlangan

03

FALSAFAH:
"Bantu Diri Untuk
Membantu rakan
Lain"

05

Dari 1 Januari
2015 – Jun 2016,
588 orang warga
Kerja Raya telah
dibimbing AKRAB
KKR untuk
pelbagai kategori
isu

07

JAWATAN AKRAB

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Setiausaha

Timbalan Setiausaha

Bendahari

AJK Biro Kebajikan (KETUA)

AJK Biro Kebajikan

AJK Biro Kebajikan

AJK Biro Sosial (KETUA)

AJK Biro Sosial

AJK Biro Sosial

AJK Biro Hubungan & Publisiti (KETUA)

AJK Biro Hubungan & Publisiti

NAMA

Helena Remeo

Zulkaffi bin Ali

Sukeri bin Taha

Nor Hasan bin Kamisan

Siti Aminah binti Masro

Nur Farah Atikah binti Khiruddin

Normi Azura binti Haji Mustaffa

Zaharah binti Mamat

Nor Aishah binti Din

Azman bin Ahmat @ Ahmad Nasir

Samsuri bin Wir

Noor Azneem binti Amarullah

Syamsiah binti Ismail

BAHAGIAN

BPSM

BPKU (Pahang)

BDA

BPSM

BPM

BA

BPSM

BPF

BPKU (Perlis)

Pej. Timb.Menteri

BPSM

BDA

BDA



Sesi fotografi Y.Bhg. KSU bersama para wakil kontinjen

GRADER JUARA SUKAN ANTARA BAHAGIAN KKR 2016!

KUALA LUMPUR, 3 Jun 2016: Kejohanan Sukan Antara Bahagian Kementerian Kerja Raya Tahun 2016 telah melabuhkan tirai dan Juara keseluruhan telah dimenangi oleh pasukan Grader yang terdiri daripada Bahagian Pembnagunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Bahagian Perancangan Korporat (BPK), Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), Bahagian Perancang Jalan (BPJ).

Naib johan pula menjadi milik pasukan Roller, ketiga pasukan Paver dan keempat pasukan Excavator. Kejohanan ini berlangsung selama hampir dua bulan bermula pada 9 April 2016 hingga 28 Mei 2016 kerana hampir kesemua 16 acara yang dipertandingkan dilaksanakan pada hujung minggu (Sabtu dan Ahad).

Kejohanan Sukan Antara Bahagian ini juga menjadi platform yang terbaik untuk Kementerian mencungkil dan mencari bakat-bakat baru dalam acara yang akan dipertandingkan pada Kejohanan Sukan Kerja Raya yang akan berlangsung pada 10 hingga 14 Ogos 2016 di negeri Johor.



KEJOHANAN SUKAN ANTARA BAHAGIAN KKR 2016
KEDUDUKAN AKHIR PASUKAN

BIL.	PASUKAN	KEDUDUKAN PASUKAN
1	GRADER	57
2	ROLLER	49
3	PAYER	46
3	EXCAVATOR	35

KEJOHANAN SUKAN ANTARA BAHAGIAN KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2016
KEDUDUKAN MATA SETIAP PASUKAN

PASUKAN	KEDUDUKAN MATA			
	PAYER	ROLLER	GRADER	EXCAVATOR
Jumlah Mata	40	49	57	35
Kedudukan Pasukan	3	2	1	4

DAFTAR PEMERIKSA MATA PERMAINAN

KELOMPOK	PANGAT	MATA
JOHARI	EMAS	3
HAIRI ZAMAN	PERAK	3
KETUA	GANGSA	3
KETUA	KEMERIAH	3
HAJI PEWERTAM		2



PROGRAM TRANSFORMASI

INDUSTRI BINAAN (CITP)

Program Transformasi Industri Binaan/Construction Industry Transformation Programme (CITP) yang dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 10 September 2015 bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa 2015 merupakan sebuah rancangan menyeluruh selama 5 tahun untuk mentransformasikan industri pembinaan dari 2016 hingga 2020.

CITP yang merupakan sebahagian dari Rancangan Malaysia KeSebelas (RMK11) mempunyai 4 teras utama iaitu Keselamatan dan Profesionalisme (Safety and Professionalism); Kelestarian Alam Sekitar (Environmental Sustainability); Produktiviti (Productivity) dan Pengantarabangsaan (Internationalism). Terdapat 18 inisiatif dan 33 sub-inisiatif yang meliputi keempat-empat teras tersebut.

Keselamatan dan Profesionalisme akan memberi penumpuan kepada keselamatan di tapak bina dan pengenalan kepada beberapa peraturan dan keperluan berkaitan keselamatan bagi mengelak dan mengurangkan kemalangan di tapak bina.

Manakala Kelestarian Alam Sekitar memfokus kepada pembinaan yang mapan bagi membolehkan penggiat industri membina

bangunan, infrastruktur dan bandar yang mesra alam melalui pengurangan karbon dan berdaya tahan.

Produktiviti dalam CITP akan lebih memfokus kepada usaha mempertingkatkan daya kemahiran pekerja kepada tahap yang lebih tinggi disamping pendedahan kepada teknologi berasaskan komputer bagi membolehkan mereka menerima pendapatan lebih tinggi setimpal dengan kebolehan mereka.

Pengantarabangsaan pula akan memberi penumpuan kepada penggiat industri tempatan supaya mereka mampu bersaing diperingkat antarabangsa.

Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan CITP dengan jayanya, semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kerja telah menandatangani Ikrar Aku Janji CITP sebagai tanda komitmen pada 3 September 2015 dalam suatu majlis akujanji yang dianjurkan oleh KKR di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya yang disaksikan YB Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, YB Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob.



Tinjauan tapak kemajuan projek BLE bernilai RM337 juta ini oleh Menteri Kerja Raya



Keseluruhan lebuh raya ini dilengkapi dengan lampu jalan LED sistem saliran laluan basikal

LEBUH RAYA BERTINGKAT BAYAN LEPAS

DIBUKA KEPADA UMUM

GEORGE TOWN, 6 April 2016 – Lebuh raya Bayan Lepas (BLE) telah dibuka kepada umum mengikut jadual sebagai inisiatif penguraian trafik dan membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di antara Batu Maung dan Sungai Nibong (Queensbay).

Lebuh raya ini direka bentuk untuk menampung jumlah trafik sebanyak 70,000 purata kenderaan harian level of service (LOS) A di laluan bertingkat, dan LOS C di laluan At-grade (laluan searas). Kapasiti maksima lebuh raya ini dijangka mencecah jumlah maksima trafik pada 2030 dengan LOS C pada laluan bertingkat dan LOS E di laluan At-Grade.

Keseluruhan lebuh raya sepanjang 3.2 kilometer dan bernilai RM337 juta ini dilengkapi dengan lampu jalan LED, sistem saliran, laluan basikal, jejambat basikal dan pembahagi jalan.

ALOR PONGSU, 7 Jun 2016: Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) mula dibuka dan perasmianya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr.Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak bersama-sama YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia.

Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini terletak di KM181.4 Lebuhraya Utara Selatan dan disambungkan ke Jalan Bagan Serai - Selama (FT147), Perak menyediakan akses terus untuk kawasan Alor Pongsu, Bagan Serai dan Selama, Perak.

Melalui pembukaan persimpangan bertingkat ini masa perjalanan dapat dijitamkan dari 45 minit kepada 10 minit. Dengan kos pembinaan kira-kira RM100 juta, ia dilengkapi dengan Tol Plaza (8 lorong iaitu 4 lorong arah keluar dan 4 arah masuk), bangunan pengawasan dan kemudahan awam seperti surau, tandas awam, wakaf dan kawasan meletak kenderaan.

PEMBUKAAN PERSIMPANGAN ALOR PONGSU

LEBUHRAYA PLUS



Gimik menandatangani plak perasmian pembukaan secara bersama oleh tetamu kehormat



Persimpangan bertingkat tersebut menghubungkan akses terus dari kawasan Alor Pongsu, Bagan Serai dan Selama bagi memasuki Lebuhraya Utara Selatan

LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH MENJADI REALITI

PUTRAJAYA, 11 APRIL 2016:

Majlis Menandatangani Perjanjian Project Delivery Partner (PDP) Lebuhraya Pan Borneo Sabah,

- Perjanjian projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah secara tripartite yang ditandatangani oleh:
 - Kerajaan Persekutuan diwakili Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya,
 - Kerajaan Negeri Sabah yang diwakili Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan
 - Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. (BHP)
- Disaksikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.
- Pembinaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah sepanjang 706 kilometer
- Kerja naiktaraf daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala (dual carriageway) dengan piawaian R5
- Sebuah Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan dianggotai oleh wakil dari agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga dibentuk untuk menyelaraskan pelaksanaan projek.
- Projek bernilai RM12.86 billion dan dijangka siap menjelang tahun 2021



Perjanjian Project Delivery Partner (PDP) Lebuhraya Pan Borneo Sabah di antara Kerajaan Malaysia Kerajaan Negeri Sabah dan Borneo Highway PDP



Sesi bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan oleh YAB Perdana Menteri

PAPAR, 24 APRIL 2016:

Majlis Pelancaran Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah

- Perasmian pelancaran oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak
 - Turut dihadiri YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia dan YB Tan Sri Datuk Sri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Tmbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah.
- Pakej pertama projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini melibatkan jajaran Papar – Donggongon sepanjang 13.8 kilometer



Bergambar bersama pemimpin tertinggi kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sabah bersempena majlis bersejarah ini

Upacara kemuncak majlis gimik pelancaran permulaan pembinaan Pan Borneo Sabah

TAWAU, 28 MEI 2016:

Projek Pan Borneo Sabah diteruskan dengan Jajaran Tawau - Sandakan

- Perasmian pelancaran oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak
- Turut dihadiri YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia.
- Pakej pertama Jajaran Tawau-Sandakan ini sepanjang 5 km dari KM43 di Pekan Tawau hingga ke KM48 di Bulatan Check-Point Semporna Tawau
- Melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan daripada dua lorong dua hala (single carriageway) kepada empat lorong dua hala (dual carriageway).
 - Pakej ini dijangka akan mula dibina pada awal Jun 2016 manakala pakej-pakej pembinaan seterusnya dirancang akan dimulakan secara berperingkat pada tahun 2017 hingga 2018.



Majlis turut dihadiri Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia.



Sambutan dan sokongan padu oleh rakyat Sabah semasa kehadiran YAB Perdana Menteri pada majlis ini



Gimik pelancaran YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak

Manfaat Lebuhraya Pan Borneo Sabah

- Berupaya merubah lanskap infrastruktur dan menjadi jaringan perhubungan bandar-bandar utama Sabah seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Kudat hinggalah ke Tawau.
- Laluan ini apabila siap kelak, berupaya mentransformasikan ekonomi penduduk setempat terutamanya kepada penduduk bandar dan luar bandar.
- Ia turut menyokong jaringan infrastruktur dan logistik bagi industri-industri yang difokuskan di bawah wilayah koridor Sabah Economic and Investment Authority (SEDIA).
- Selain itu, projek ini dijangka akan memberi kesan positif kepada penduduk negeri Sabah melalui peluang-peluang dalam sektor pembinaan, mewujudkan peluang pekerjaan baru
- Sektor pelancongan termasuklah agro-pelancongan dijangka akan turut memperolehi spill over effect memandangkan produk-produk pelancongan ini akan dapat dihubungi dengan mudah oleh pelancong.



Pelancaran Promosi ASC oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 September 2014 telah meluluskan Malaysia untuk menganjurkan Asean Skills Competition (ASC) ke-11 (ASC 2016), pertandingan kemahiran peringkat ASEAN yang dianjurkan setiap dua tahun bermula pada 1995 di mana Malaysia merupakan tuan rumah ketika itu.

ASC 2016 akan dianjurkan pada 24 hingga 26 September 2016 bersekalikan dengan Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) bertempat di Tapak MAEPS, Serdang, Selangor. Antara pengisiannya seperti demonstrasi kemahiran, konvokesyen, TVET International Conference, carian kerja, pameran dari Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta, jualan dan lain-lain.

Sebanyak 25 bidang kemahiran bakal dipertandingkan pada ASC 2016 dan tujuh daripadanya yang berkait industri pembinaan akan dikelolakan oleh Kementerian Kerja Raya. Sebanyak 10 Negara Asean termasuk Malaysia akan menyertai pertandingan

MALAYSIA TUAN RUMAH ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) KE-11

ini dengan jumlah peserta seramai 266 orang yang terdiri daripada belia dibawah umur 22 tahun.

Pelancaran dan Flag Off Promosi ASC 2016 telah diadakan bertempat di Stesen LRT Ampang pada 19 April 2016 oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan turut dihadiri Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof dan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem.

PERSARAAN KPKR

Majlis Menghargai Jasa Bakti YBhg. Datuk Ir. Haji Adanan Mohamed Hussain, Ketua Pengarah Kerja Raya telah diadakan pada 2 Jun 2016 (Khamis) jam 3.00 petang bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kementerian Kerja Raya. Beliau bersara wajib bermula 9 Jun 2016.

Antara pengisian majlis adalah tayangan multimedia perjalanan kerjaya YBhg. Datuk Ir. Haji Adanan dan dalam ucapannya beliau mengingatkan semua untuk melaksanakan tugas yang diberikan tanpa mengharapkan balasan tertentu, "don't worry about the promotion because the important thing is the output that we produce," katanya.

Majlis dihadiri oleh tetamu kehormat YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail Md. Salleh, Ketua Pengarah LLM, YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB dan Pegawai-Pegawai Pengurusan Tertinggi KKR dan JKR serta Pegawai-Pegawai Kanan JKR.



Amanat dan ucapan terakhir disampaikan Ybgh. Datuk Ir. Hj. Adanan Mohamed Hussain



Ybgh. Datuk Ir. Hj. Adanan melakukan simbolik 'punch out' menandakan hari tamat bertugas

KKR DIKTIRAF 5 BINTANG

PENILAIAN SSR MAMPU TAHUN 2015

PUTRAJAYA, 4 April 2016 – Kementerian Kerja Raya (KKR) terus unggul apabila diiktiraf sebagai organisasi cemerlang dengan memperolehi 5 bintang dalam Penilaian Indeks System Star Rating (SSR) pada tahun 2015.

Penyampaian Sijil Pengiktirafan Indeks SSR Agensi Sektor Awam Tahun 2015/2016 kepada 42 agensi yang berjaya telah diadakan hari ini dan disampaikan oleh Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara kepada Ketua Setiausaha Kementerian, Dato'Sri Zohari Haji Akob.

Penilaian ini mengikut model baharu yang dibangunkan oleh pihak MAMPU dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Audit Negara, Arkib Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Multimedia Development Corporation.



KKR MEMPEROLEHI PERSIJILAN

5S 2016

KUALA LUMPUR, 13 Mei 2016: Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berjaya memperolehi Persijilan Semula Amalan 5S untuk tahun 2016 yang juga merupakan tahun ketiga berturut-turut.

Perkara ini dimaklumkan oleh juruaudit daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC) yang melakukan Audit Pematuhan Persekitaran Berkualiti 5S di Zon-zon KKR dan juga setelah meneliti dokumen pihak urusetia. Juruaudit tersebut ialah Encik Abdul Majid Ibrahim, Encik Andra Syahrizal Mohamad dan Encik Kamaruddin Mohamad.

Sewaktu sesi ulasan penemuan audit, pihak MPC menyatakan hasil tinjauan mendapati tahap pemahaman warga amat baik terhadap tiga aspek 5S yang diaudit iaitu amalan, ilmu dan dokumentasi.



ANUGERAH

KECEMERLANGAN

PUSPANITA KEBANGSAAN 2016



PUTRAJAYA, 26 April 2016 – PUSPANITA Cawangan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah dianugerahkan tiga (3) anugerah berprestij di Majlis Anugerah Kecemerlangan PUSPANITA 2016 sempena Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Ke-34 di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri di sini.

Anugerah-anugerah telah disampaikan oleh YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah, Yang DiPertua PUSPANITA Kebangsaan. PUSPANITA KKR telah berjaya merangkul kesemua Anugerah Cemerlang seperti kategori berikut:

- I. Anugerah Cawangan Berprestasi Peringkat Cawangan.
- II. Anugerah Ahli PUSPANITA Cemerlang di Peringkat Kebangsaan dianugerahkan kepada YBhg. Datin Sri Norita binti Ibrahim, Pengerusi PUSPANITA KKR.
- III. Anugerah Ahli PUSPANITA Cemerlang di Peringkat Cawangan dianugerahkan kepada Puan Sabariah binti Bachik, Setiausaha PUSPANITA KKR.

Syabas dan tahniah diucapkan. Semoga komitmen cemerlang yang diberikan ini dijadikan contoh, ikutan serta memberi pengaruh positif ke arah kecemerlangan PUSPANITA Cawangan Kementerian Kerja Raya.

01



a



b



c

01

Tajuk : Majlis Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang
KKR 2015
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 19 Mei 2016

- a) Ikrar penjawat awam dibacakan pada permulaan majlis
- b) Penyampaian anugerah telah disampaikan Menteri, Timbalan Menteri, Ketua-ketua Agensi dan Pihak Pengurusan Tertinggi KKR
- c) YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof dalam ucapannya menyeru agar semua warga KKR untuk memberi perkhidmatan layan VIP sebaik mungkin

02

02

Tajuk : Meraikan Persaraan Dato
Josephine Juliana SUB BPP
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 1 April 2016



a

- a) Persembahan khas untuk yang dirai
- b) Ucapan kali terakhir daripada Y.Bhg. Dato' Josephine Juliana sempena majlis perpisahan beliau



b

03



a

03

Tajuk : Penyerahan Rumah
Mangsa Banjir
Tempat : Kuala Krai
Tarikh : 16 Mei 2016

- a) Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kekal Baharu di Kampung Karangan
- b) Tinjauan ke salah sebuah rumah baharu yang telah siap dibina



b

04

Tajuk : Perasmian Projek Pan
Borneo Sarawak Fasa ke-4
Jajaran Sibul

Tempat : Sarawak
Tarikh : 17 April 2016

- Para pengunjung menyambut ketibaan YAB Perdana Menteri
- YAB Perdana Menteri melakukan acara cabutan nombor bagi pemilihan 16 kontraktor
- YAB Perdana Menteri menurunkan tandatangan di atas batu kilometer jalan sebagai simbolik perasmian



a



c

b

05



a



b

05

Tajuk : Persidangan
Antarabangsa
Pertubuhan
Kejuruteraan (IEA) 2016

Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 31 Mei 2016

- Sesi bergambar bersama peserta IEA
- YBM beramah mesra dengan delegasi asing

06

06

Tajuk : Seminar Peluang Perniagaan
India – Malaysia 'Incredible
India'

Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 14 April 2016

- Ucuptama perasmian majlis oleh Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob Ketua Setiausaha Kem. Kerja Raya
- Bersama His Excellency T.S. Tirumurti duta tertinggi India di Malaysia



a



b

07



a

07

Tajuk : Lawatan Kerja MKR ke Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional Malaysia (PKTNM)
Tempat : Alor Gajah, Melaka
Tarikh : 26 Mei 2016

- a) Bersama dengan kontraktor pembinaan melawat sekitar kawasan auditorium
- b) YB Menteri Kerja Raya bersama Exco Kerajaan Negeri Melaka Datuk Wira Hj.Abdul Ghafar semasa sesi taklimat



b

08

08

Tajuk : Penyampaian Amanat Ketua Setiausaha Negara
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 2 Jun 2016

- a) Memulakan kunjungan ke Pejabat Menteri Kerja Raya terlebih dahulu sebelum menyampaikan amana
- b) Sesi Soal Jawab selepas penyampaian amanat kepada Warga Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya



a



b

09



a

b

09

Tajuk : Perasmian Pejabat Cawangan CIDB
Tempat : Bintulu, Sarawak
Tarikh : 10 April 2016

- a) Lawatan sekitar dalam bangunan dan sesi beramah mesra bersama staff CIDB
- b) Upacara memotong riben di pintu hadapan pejabat baharu CIDB Cawangan Bintulu
- c) YB Menteri beramah mesra semasa lawatan program CSR oleh peserta CIDB dan ABM di Kampung Jepak



b

10

Tajuk : Program Ramah Mesra
KSU bersama Rakan
KKR Johor
Tempat : Johor Bahru
Tarikh : 17 Januari 2016

- Kempen yang dilancarkan dengan tagline #respeklabro berteraskan pendidikan berterusan
- Acara pelepasan konvoi keselamatan menandakan kempen bermula sempena musim perayaan
- Talk On Road Safety juga telah disampaikan oleh penceramah jemputan En. Kamal Effendi



a



c

b

11



a

11

Tajuk : Kempen Like Facebook
Rasmi KKR
Tempat : Kuala Lumpur
Tarikh : 3 Mei 2016



b

- Sesi 'wefie' bersama Datuk Hj. Sarani
- Acara penyampaian hadiah kepada pemenang bertuah

12

12

Tajuk : KSU meninjau kemajuan
kerja Lebuhraya Kota
Bharu
Tempat : Kuala Krai, Kelantan
Tarikh : 15 Mei 2016

- Antara perkembangan projek yang sedang dalam pembinaan
- Lawatan dimulakan dengan taklimat kemajuan projek oleh pihak kontraktor kepada YBhg KSU



a



b



FACEBOOK

Bermula 1 April 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 14,671

Pada 30 Jun 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 17,833



Kenaikan pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam tempoh 3 bulan adalah seramai 3,162.



TWITTER

Apr 2016 • 30 days

Top Tweet earned 5,423 impressions

YBM @PetraJayaMP melawat tapak #icw2016 @CIDB_Malaysia bersama @Rosnah_ARS @ZohariAkob @KPKRMalaysia @LLMKP pic.twitter.com/q45vVhFdcR

Top mention earned 302 engagements

JKR Malaysia @JKRMalaysia - Apr 7

Maklumbalai Kepada Artikel Turap Lubang Guna Tar Jenama Sendiri Di Berta Harlan, 7 April 2016 @MOWorks @RakanKKR pic.twitter.com/K2XUZWCTbx

APR 2016 SUMMARY	
Tweets	240
Tweet impressions	129K
Profile visits	2,114
Retweets	752
New followers	185

April 2016 terdapat seramai 185 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 240 tweets telah dibuat.

May 2016 • 31 days

Top Tweet earned 5,001 impressions

Ke Arah Menuju #zerophote #19Me2016. Tahniah JKR & Konsesi @PetraJayaMP @Rosnah_ARS @ZohariAkob @RakanKKR pic.twitter.com/LS9OfdWGyg

Top mention earned 399 engagements

LLM @LLMdottrk - May 24

Pelaksanaan Sistem Kutipan Tol Secara Elektronik Sepenuhnya (ETC) mulai 1 Jun 2016. @LLMKP @MOWorks @RakanKKR pic.twitter.com/5lp7Avo1kG

MAY 2016 SUMMARY	
Tweets	162
Tweet impressions	124K
Profile visits	1,679
Retweets	679
New followers	221

May 2016 terdapat seramai 221 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 162 tweets telah dibuat.

Jun 2016 • 30 days

Top Tweet earned 4,306 impressions

Antara kemudahan2 awam yg disediakan di Peralmpangan Bertingkat A.Pongsu @PetraJayaMP @LLMdottrk pic.twitter.com/q45ZV8Wu5

Top mention earned 362 engagements

LLM @LLMdottrk - Jun 16

Kenali Jajaran Lebuh raya Pasiriran Pantai Barat (LPPB) atau West Coast Expressway. @LLMKP @MOWorks @RakanKKR pic.twitter.com/ds2AAyq1x1

JUN 2016 SUMMARY	
Tweets	401
Tweet impressions	234K
Profile visits	2,961
Retweets	669
New followers	170

Jun 2016 terdapat seramai 170 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 401 tweets telah dibuat.

own best
Tahniah @MOWorks @PetraJayaMP @Rosnah_ARS @ZohariAkob @saranidollah @RakanKKR @JKRMalaysia @zeekay15 @paktarm



Zahri Malya Hamzah
Syabas @LLMdotmy kerana memberi ketampan kepada pengguna lebuh raya. @MOWorks @LLMMP @RakanKKR

LLM
Pusat Pengunaan Trafik LLM akan beroperasi 24 Jam bermula 29 Jun hingga 14 Jul 2016 @PetraJayaMP @LLMMP @MOWorks

Fajri Ismail
Inisiatif hebat @JKRMalaysia syabas!! .. @PetraJayaMP @MOWorks @RakanKKR @norehamohd @MisiahTaib



DKSA
@MisiahTaib @MOWorks @PetraJayaMP @RakanKKR @KPKRMalaysia @RoslanMdTaha @norehamohd Tahniah kepada pasukan JKR yang mengawasi projek.



Abg Medu
Terbaik @RoslanMdTaha @JKRMalaysia @MOWorks @jkr_kedah



Surat Khabar : STAR
Tarikh : 12 April 2016



Surat Khabar : NEW STRAITS TIMES
Tarikh : 07 April 2016




Surat Khabar : KOSMO
Tarikh : 02 April 2016



Surat Khabar : UTUSAN MALAYSIA
Tarikh : 09 April 2016



Surat Khabar : NEW STRAITS TIMES
Tarikh : 16 April 2016



Surat Khabar : SUN
Tarikh : 08 APRIL 2016



Surat Khabar : UTUSAN MALAYSIA
Tarikh : 06 MEI 2016



Surat Khabar : BERITA HARIAN
Tarikh : 10 MEI 2016

SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
[Ketua Setiausaha KKR]

Penasihat

YBhg Datuk Sarani Bin Dollah
[Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan) KKR]

Ketua Pengarang

Pn Noreha Mohd Ripin
[Ketua Komunikasi Korporat]

Pengarang

Haji Shahnnon Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Salla Kamaruddin Nor Zaman
Sagaya Carelene A/P Gomas
Muhammad Faisal Muhammad Zamzuri

Jurufoto

En Rosdin Sabni
Cik Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad
[Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya]

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Rekabentuk / Pencetak

OMR PRESS SDN BHD
Tel : 03 8024 6396



pro@kk.gov.my



www.kkr.gov.my



KKR_MALAYSIA



03 8000 8000



Kementerian Kerja Raya Malaysia



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya Malaysia